

**UMNO**  
UMNO 1 APR 2009  
LABUAN 1 April - UMNO  
akan menggerakkan sege-  
ra jawatankuasa khas di  
bawah Lembaga Disiplin  
UMNO bagi menyiasat tu-  
duhan Ketua UMNO baha-  
gian Kuantan, Datuk  
Fauzi Abdul Rahman me-  
ngenai politik wang dan  
dakwaan penyelewengan  
melibatkan Setiausaha  
Agungnya, Tan Sri Khalil  
Yaakob.

Timbalan Presiden UM-  
NO, Datuk Seri Abdullah  
Ahmad Badawi berkata, pi-  
haknya juga akan  
mengenal pasti mereka  
yang akan menduduki ja-  
watankuasa khas itu supa-  
ya siasatan tersebut dapat  
dilakukan dengan sempur-  
na.

"Kita akan bentuk sege-  
ra jawatankuasa itu sece-  
pat mungkin kerana perka-  
ra itu baru sahaja diumum-  
kan oleh Presiden parti,  
Datuk Seri Dr. Mahathir  
Mohamad semalam," kata-  
nya.

Tambahnya, jawatanku-  
asa khas itu boleh dianggo-  
tai oleh sekurang-kurang-  
nya empat orang daripada  
kalangan 12 orang yang te-  
lah sedia ada di dalam  
Lembaga Disiplin UMNO  
tersebut.

Abdullah memberitahu  
demikian pada sidang akh-  
bar selepas merasmikan  
mesyuarat perwakilan  
UMNO bahagian Labuan  
di Dewan Konvensyen Uja-  
na Kewangan, di sini hari  
ini.

Beliau diminta mengulas  
kenyataan Datuk Seri Dr.  
Mahathir berhubung deng-  
an tindakan Fauzi itu sele-  
pas mmpengerusikan me-

## akan segerakan siasatan tuduhan Fauzi

syuarat Majlis Tertinggi  
UMNO di Pusat Dagangan  
Dunia Putra (PWTC), Kua-  
la Lumpur semalam.

Menurut Perdana Men-  
teri, jawatankuasa khas di  
bawah Lembaga Disiplin  
UMNO itu akan dianggotai  
badan bebas yang akan  
diketuai oleh bekas ahli  
MT UMNO, Tengku Ah-  
mad Rithaudeen.

Dr. Mahathir berkata,  
mesyuarat UMNO bahagi-  
an Kuantan yang diketuai  
oleh Fauzi turut ditang-  
guhkan sehingga penyia-  
satan itu selesai.

"Kita minta semua pihak  
memberi kerjasama deng-  
an member-i bukti-bukti  
yang jelas supaya tindakan  
boleh diambil terhadap me-  
reka yang terlibat dengan

politik wang dan kesala-  
han lain mengikut tuduh-  
an yang dibuat oleh Datuk  
Fauzi," tegasnya.

Mengenai kedudukan  
Khalil, Dr. Mahathir ber-  
kata, kedudukan setiausa-  
ha agung itu tidak terjejas  
dan beliau boleh menjalan-  
kan tugas seperti biasa  
kepada parti dan sebagai  
Menteri Penerangan.

"Seseorang itu tidak ber-  
salah kecuali dibuktikan  
bersalah dan saya juga ing-  
in mengingatkan semua  
yang membuat tuduhan  
politik wang ini kalau kita  
dapati tuduhan mereka ti-  
dak berasas boleh diambil  
tindakan kerana mem-  
burukkan parti," katanya.